



Antarabangsa

Lawatan Xinjiang Agricultural University ke UniMAP

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) terus mengorak langkah dalam mengembangkan teknologi pertanian apabila menjalinkan kerjasama dengan Xinjiang Agricultural University, China. Kerjasama dalam pertanian itu dilihat mampu memberikan kesan baik kepada UniMAP bagi aktiviti penyelidikan melibatkan bidang pertanian dalam menghasilkan produk penyelidikan ke arah melonjakkan bidang tersebut sebagai pemacu ekonomi Negara.

Seramai tiga delegasi dari China yang terdiri daripada Naib Presiden Xinjiang Agricultural University, China, Prof. Abdulaiti Abuduyima, Pengarah Pusat Antarabangsa Xinjiang Agricultural University, Prof Zhang Yong Ping dan Pengawai Pengantarabangsaannya, Maiwulan Amutihali mengadakan lawatan ke UniMAP bagi mengetahui teknologi terkini yang digunakan UniMAP.

Lawatan selama tiga hari bermula dari 11 hingga 13 Jun itu merupakan platform ke arah perkongsian kepakaran serta penghasilan produk yang boleh dikongsi bagi meningkatkan kualiti penyelidikan antara kedua-dua negara. Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr Kamarudin Hussin berkata menyedari pentingnya penyelidikan dalam bidang ini, UniMAP mengambil inisiatif untuk terlibat sama secara aktif dalam penyelidikan sektor pertanian.

"China merupakan sebuah negara yang pesat membangun dalam sektor pertanian, jadi tidak salahlah sekiranya kita menjalinkan hubungan kerjasama yang erat. UniMAP sudah mempunyai Stesen Penyelidikan Agroteknologi sendiri di Sungai Chuchuh dan ianya dapat membantu kita dalam membantu meningkatkan kualiti pertanian di Malaysia amnya dan di Perlis khususnya,"katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengiringi delegasi tersebut melawat kampus UniMAP. Antara yang dikunjungi adalah Stesen penyelidikan Agroteknologi Sg. Chuchuh, Pusat Kejuruteraan Bioproses, PPK Alam Sekitar, PPK Mekatronik, Pusat Kejuruteraan serta Perpustakaan UniMAP. Selain itu delegasi itu turut dibawa melihat teknologi "Clean Room" di Kuala Perlis.

Kunjungan ini merupakan kunjungan balas daripada pihak Xinjiang Agricultural University selepas lawatan UniMAP ke China tahun lalu. Pada lawatan tersebut satu perjanjian persefahaman turut dimeterai antara UniMAP dan Xinjiang Agricultural University dalam bidang akademik, penyelidikan, program pertukaran pelajar dan staf.